

HARI DIGITAL HONG LEONG 2021: Kempen HLB Pocket Connect

Dikemaskini pada 1 Julai 2021

TEMPOH KEMPEN

“**HARI DIGITAL HONG LEONG 2021: Kempen HLB Pocket Connect**” (“**Kempen**”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) bermula pada **07 Julai 2021** dan berakhir pada **31 Julai 2021**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“**T&Cs**”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada seluruh pelanggan individu sedia ada dan baharu yang merupakan pemegang Akaun-akaun Sertaaan seperti ditakrif menurut Fasal 2 di bawah dan yang telah mendaftar untuk aplikasi HLB Pocket Connect (“**Pocket App**”) sebelum atau semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan**”).
2. Bagi tujuan Kempen ini, “**Akaun-akaun Sertaaan**” adalah:
 - (a) Akaun Junior-i 3-dalam-1 Hong Leong; dan
 - (b) Akaun Simpanan Junior-i Hong Leong.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis menurut petisyen oleh Bank atau institusi kewangan yang lain atau oleh mana-mana pihak ketiga atau bakal dikenakan prosiding kemufflisan pada bila-bila masa atau semasa Tempoh Kempen **TIDAK** layak menyertai Kempen.

PROMOSI A – NIKMATI PULANGAN TUNAI DENGAN BERDAFTAR UNTUK HLB POCKET CONNECT**PROMOSI A – KAEDAH KEMPEN DAN PEMENUHAN SYARAT**

- Promosi A terbuka kepada Pelanggan yang belum berdaftar untuk aplikasi Pocket Connect sebelum Tempoh Kempen.
- Ganjaran Promosi A** seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Ganjaran Promosi A	Bil. Pemenang	Had
Pulangan Tunai RM77	100 pertama berdaftar pada 07 Julai 2021	RM7,700
Pulangan Tunai RM37	1,000 berikutnya	RM37,000

- Untuk menyertai Promosi A dan layak menerima Ganjaran Promosi A, Pelanggan MESTI:
 - muat turun Pocket App di www.hlb.com.my/downloadpocket; dan
 - berdaftar untuk Pocket App ("**Pendaftaran Pocket**") semasa Tempoh Kempen.

Semua Pelanggan yang telah melaksanakan dan memenuhi syarat-syarat seperti dinyatakan dalam Fasal 6 di atas akan dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak Promosi A**".
- Jumlah Ganjaran Promosi A yang diperuntukkan oleh Bank bagi Kempen ini dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Empat Puluh Empat Ribu Tujuh Ratus (RM44,700)** sahaja sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar siapa cepat dia dapat. Tanpa mengesampingkan T&Cs di dalam ini, Ganjaran Pulangan Tunai tidak lagi akan diberi sebaik sahaja tercapai had yang ditetapkan.
- Ganjaran Promosi A terhad kepada satu ribu satu ratus (1,100) pertama Pelanggan Layak Promosi A, dihadkan satu (1) kali Pulangan Tunai sahaja bagi setiap Pendaftaran Pocket yang dibuat oleh Pelanggan Layak Promosi A.
- Ganjaran Promosi A akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan Pelanggan Layak Promosi A tidak lewat daripada 30 Oktober 2021. Pengkreditan Ganjaran Promosi A akan dipaparkan dalam e-penyata bulanan Akaun Sertaan dan Pelanggan Layak Promosi juga akan diberitahu sebaik sahaja Ganjaran Promosi A telah dikreditkan menerusi Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") tidak lewat daripada 30 Oktober 2021.
- Bagi mengelakkan keraguan, SMS yang dihantar kepada Pelanggan Layak Promosi A akan berdasarkan nombor telefon terkini yang tersimpan dan tercatat dalam sistem dan/atau rekod Bank.
- Jika Pelanggan Layak Promosi A tidak menerima apa-apa SMS daripada Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) ("**Infobip**"), iaitu vendor SMS rasmi yang dilantik oleh Bank, selewat-lewatnya 30 Oktober 2021, maka Pelanggan Layak Promosi A itu dianggap tidak layak atau berhak menerima Ganjaran Promosi A.

PROMOSI B – LOG MASUK KE POCKET APP UNTUK MENEBUS AISKRIM KOMPLIMENTARI


PROMOSI – KAEDAH KEMPEN

12. Promosi B terbuka kepada Pelanggan yang telah berdaftar untuk HLB Pocket Connect App (“**Pocket App**”) sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
13. **Ganjaran Promosi B** adalah seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

Ganjaran Promosi B	Bil. Pemenang
Kod e-Baucar bagi satu (1) aiskrim Baskin Robbins Single Junior Scoop (bernilai RM7.90) <ul style="list-style-type: none"> • Tempoh sah Baucar dari 7 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021. 	7,000

14. Untuk menyertai Promosi B dan melayakkan diri menerima Ganjaran Promosi B, Pelanggan MESTILAH:
 - (a) Log masuk ke Pocket App semasa tempoh kempen; dan
 - (b) Hantar borang e-penebusan dalam Pocket App (rujuk langkah-langkah di bawah):



Semua Pelanggan yang telah melaksanakan dan memenuhi segala syarat yang dinyatakan dalam Fasal 14 di atas akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak Promosi B**”.

15. Ganjaran Promosi B adalah berupa Kod e-Baucar, yang akan disampaikan kepada Pelanggan Layak Promosi B menerusi SMS dalam masa lima (5) hari kerja.
16. Bagi mengelakkan keraguan, Ganjaran Promosi B adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Golden Scoop Sdn Bhd 198801002252 (0169609A) (“**Penyedia Perkhidmatan**”) seperti berikut:
 - Sah digunakan di semua outlet di Malaysia **KECUALI** Genting First World.
 - Pelanggan layak menikmati satu (1) aiskrim junior scoop dalam cawan atau kon apa-apa perisa bagi setiap unit yang dibeli.
 - Baucar tidak akan dibayar balik, ditukar untuk wang tunai atau untuk baucar bernilai lain.
 - Baucar ini tidak sah digunakan dengan apa-apa promosi atau diskaun lain.
 - Golden Scoop Sdn Bhd tidak bertanggungjawab atas kehilangan, kecurian atau kerosakan baucar dan tidak berkewajipan mengganti atau membayar balik nilai baucar yang hilang, dicuri atau rosak itu.
 - Golden Scoop Sdn Bhd berhak menolak apa-apa baucar jika didapati palsu atau luput tarikh.

- Jualan balik baucar tersebut tanpa kebenaran jelas Golden Scoop Sdn Bhd adalah dilarang.
 - Golden Scoop Sdn Bhd berhak meminda terma & syarat tanpa memberi notis terlebih dahulu.
17. Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Ganjaran Promosi B (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahan dan/atau kegunaan Ganjaran Promosi B) dan tidak bertanggungjawab untuk mengganti apa-apa Ganjaran Promosi B yang hilang, dicuri atau rosak. Pelanggan Layak Promosi B hendaklah berurusan secara langsung dengan Penyedia Perkhidmatan jika ada pertanyaan, pertikaian atau tuntutan bersangkutan dengan Ganjaran Promosi B tanpa meminta bantuan Bank.

UMUM

18. Perkhidmatan SMS bagi Kempen ini disediakan oleh Infobip.
19. Pelanggan Layak Promosi A dan Pelanggan Layak Promosi B (secara kolektif disebut "**Pelanggan Layak**") berkewajipan memberi nombor telefon terkini kepada Bank dan Bank tidak bertanggungjawab jika Pelanggan Layak tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab sekalipun.
20. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:
- (a) telah membaca, memahami dan akan mematuhi T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat Tertentu Akaun Sertaan dan Pocket App;
 - (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan;
 - (c) Ganjaran Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
 - (d) mengakses Laman-laman Web Bank (www.hlisb.com.my) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
 - (e) memberi butiran hubungan yang terkini dan tepat iaitu nombor telefon bimbit dan alamat surat-menyurat kepada Bank. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan jika Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan Layak untuk tujuan Kempen ini, lantaran nombor telefon bimbit dan/atau alamat surat-menyurat yang tidak tepat/tidak sah yang diberi oleh Pelanggan Layak atau sekiranya Infobip tidak dapat menyampaikan apa-apa SMS kepada Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun;
 - (f) bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen; dan
 - (g) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan butiran peribadi mereka kepada Infobip untuk tujuan Kempen ini.
21. Bank berhak:
- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank tanpa memberi notis awal, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank; dan
 - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&Cs di dalam ini daripada menyertai Kempen ini.
22. T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat Tertentu Akaun Sertaan dan Pocket App hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan lain-lain Terma & Syarat Tertentu Akaun Sertaan dan Pocket App, maka T&Cs di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
23. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia

24. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, begitu juga sebaliknya

Akaun Junior-i 3-dalam-1 Hong Leong adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah, Tawarruq.

Produk Deposit-i adalah layak untuk dilindungi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.